



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

29 Dis 2020 (Selasa)

Berita Harian

3,032 katil tambahan di pusat kuarantin MAEPS	1
Jenayah alam sekitar tak boleh dimaaf secara peruntukan akta	2
JAS, LUAS perlu lakukan ujian saringan kualiti air	3
Sungai Buloh dicemari 4 tan kumbahan setiap hari	4
Komuniti Cub Prix lega musim 2020 lengkap	5

Utusan Malaysia

2020 penuh kejutan kesedihan	6
Ajak pusing Selangor dulu	7
Ambil tindakan segera-Penduduk	8
Jalan rosak undang maut	9
NGO cadang wujud SOP kerja turapan jalan	10
Kecewa rayuan tidak didengar	11
Kuala Selangor naik status tahun depan	12
Makan malam mengisi tabung	13

Harian Metro

Jangan roboh gerai kami	14
-------------------------	----

Kosmo

Layanan double standard dibidas	15
Selangor, Johor banyak jalan rosak dan berlubang	16
MAEPS 2.0 tambah lebih 3,000 lagi katil	17
'Kami kehilangan punca pendapatan'	18

Sinar Harian

Peniaga rayu tangguh roboh gerai	19
Komuniti Club Prix lega musim 2020	20

The Star

LIBRARY MATTERS	21
MPK initiatives focus on welfare of residents and township's cleanliness	22
Spotlight on enforcement, development of green areas	23
City council building activity centre for senior citizens in Shah Alam	24
Puchong monsoon drain needs clean-up every time, says MBSJ	25
Hospital bed capacity for Covid-19 patients in S'gor now at 59%	26
Malaysian Cub Prix rides on after curtain falls on season	27

The Edge CEO Morning Brief

Lii hens worker dorm in muar under emco while new hoong fatt suspends klang factory as infections found	28
Local blueprint, global footprint	29

China Press

Ambulances are like e-hailing cars; Klang residents have become accustomed to it	30
Transmission during winter solstice dinner, brothers allegedly infected while playing badminton; 3 tested positive	31
Driver is Covid-19 positive; Teng Chang Khim tested negative	32



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Sin Chew Daily

Citizen: Satisfied with MBPJ's performance, handle complaints properly 33
Teng Chang Khim is screened negative, does not infected by the driver 34

Nanyang Siang Pau

Incubation period has not passed, there are still new cases, Klang, Pasar Besar Maru and 35
PKNS commercial area reopening were called off
MBSA headquarters building closed for disinfection 36
Teng Chang Khim tested negative and continued quarantine 37

Guang Ming Daily

Not infected by the driver, 38
Teng Chang Khim is negative for coronary disease

Kwong Wah Yit Poh

The test for Covid-19 of Teng Chang Khim was negative, posted picture of child laughing to 39
express his joy

Makkal Osai

Individuals applying for social welfare aid must give correct personal infos 40
Morning-night market operation should be stopped temporarily 41

Tamil Malar

Road reconstruction at Sungai Jarom residential area to complete soon 42



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
29 December 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	3,032 katil tambahan di pusat kuarantin MAEPS
Muka Surat	:	6

3,032 katil tambahan di pusat kuarantin MAEPS

Kuala Lumpur: Kapasiti Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini, dipertingkatkan dengan penambahan 3,032 katil, semalam.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon, berkata pertambahan itu menjadikan jumlah katil disediakan di PKRC kini 6,132.

Beliau berkata, kapasiti katil akan terus dipertingkatkan sehingga 10,000 untuk mengikut keperluan semasa.

"Peningkatan kapasiti katil PKRC MAEPS 2.0 fasa dua melalui pembukaan dewan baharu ini diperlukan kerana pertambahan kes positif COVID-19 berterusan," katanya dalam perkongsian di laman Facebook kementerian, semalam.

Melalui kenyataan sama, beliau berkata penambahan katil itu juga sebagai langkah proaktif Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memastikan kesiapsiagaan hospital sentiasa pada tahap optimum.

Beliau berkata pengwujudan PKRC MAEPS 2.0 diletakkan di bawah kawalan Ketua Komander Wilayah Tengah iaitu Pengarah Kesihatan Negeri Selangor adalah

hasil persetujuan sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan satu kolaborasi yang dipengerusikan bersama oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Agensi lain terbabit kolaborasi itu termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan MAEPS.

Peningkatan kapasiti katil PKRC MAEPS 2.0 fasa dua melalui pembukaan dewan baharu ini diperlukan kerana pertambahan kes positif COVID-19.

Dr Rohaizat Yon,
 Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)



Penambahan katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) MAEPS 2.0 berikutan peningkatan kes positif COVID-19 berterusan. (Foto FB KKM)



KERATAN AKHBAR		
29 December 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Jenayah alam sekitar tak boleh dimaaf secara peruntukan akta
Muka Surat	:	12

Jenayah alam sekitar tak boleh dimaaf secara peruntukan akta


Paparan berita mengenai kes pencemaran sungai, terutama di Selangor dan Lembah Klang dewasa ini ibarat terlalu sinonim.

Belum pun reda bahana perlakuan jenayah cemar sumber seperti dilaporkan di Sungai Kim-Kim di Pasir Gudang pada Mac 2019.

Ketika itu, beratus penduduk dalam radius satu hingga dua kilometer (km) dari kawasan bencana mengalami pelbagai trauma kesihatan dan menggembarakan, sehingga rekod menunjukkan beberapa siri jenayah berterusan berlaku pada skala lebih kecil.

Episod luka negara belum menjadi pengajaran buat segelintir manusia yang lebih mementingkan keuntungan berbanding penjagaan alam sekitar.

Kajian saintifik menunjukkan pencemaran sumber air ini bukan hanya menyebabkan berlaku kalaupun gangguan dalam perbe-



Prof Dr Mohd Fadhl Md Din

kalan sistem air terawat, tetapi rantaian gangguan ekosistem, kemusnahan ekohabitat, keputusan sumber semula jadi dan menjejaskan penulenan semula sistem sungai.

Bermula siri pencemaran di Sungai Lang pada September 2016, satu demi satu petalangan atau dalang yang mensabotaj sumber air di sekitar sungai di Lembah Klang melakukan tindakan sama.

Ini termasuk membuang pelarut kimia, bahan api diesel, bahan industri dan campuran sebatian kimia dalam kategori buangan terajual.

Walaupun Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) membuat laporan polis dan pelakunya juga ditangkap serta didakwa, retentam pencemaran sungai masih berlaku.

Pemakaian akta dan prosedur baharu Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 antara terkait dengan pencemaran sungai.

Sejak negara merdeka, AKAS banyak dipakai bagi memberikan informasi, pendakwaan, pendidikan berterusan serta perkara asas dalam membantu mengawal punca pencemaran yang dilepaskan ke sumber air.

Terkini, bukan hanya Kementerian Alam Sekitar dan Air menyatakan komitmen pengukuhan akta serta pelaksanaan perundangan, bahkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor membuat keputusan menaikkan jumlah denda kepada RMI juta di bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999.

Penggunaan tindakan pendakwaan terhadap penjenayah sumber air berpandukan AKAS 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, dilihat kurang berkesan memberikan kesedaran secara holistik.

Lantas, syor hukuman perlu lebih tegas dan berat kerana kesalahan ini membabitkan krisis sumber air negara. Antaranya denda lebih besar, penjara lebih berat dan kemungkinan melaksanakan beberapa syor tambahan me-

lakukan kerja kebajikan.

Bagaimanapun, beberapa langkah pemeliharaan dan pemuliharaan lebih efektif dalam menangani isu ini boleh digunakan sebagai strategi jangka panjang menangani jenayah pencemaran.

Isu pencemaran bukan sekadar membabitkan industri (kecil, sederhana ataupun berat), tetapi juga berpunca sikap tidak bertanggungjawab premis perniagaan, pasar awam, rumah kediaman serta gerai yang menghubungkan langsung sistem buangan dengan parit sehingga mengalir ke sungai atau lautan lembangan air.

Kes terencil seperti ini sudah lama berleluasa dan tindakan proaktif sepatutnya digerakkan menerusi pihak berkuasa tempatan (PBT) secara sinergi bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pelbagai saranan akademik, praktikal dan mempunyai kesan jangka panjang diuraikan menerusi platform seperti wacana, program berimpak, kertas cadangan serta terbitan sama dalam proses dasar sumber air negara.

Bagaimanapun, seiring peredaran dunia yang lebih terbuka dan sumber maklumat yang lebih tepat, dicadangkan beberapa tindakan ataupun langkah berdasarkan faktor lokasi, skala pencemaran, kegunaan sumber air serta pemantauan di lokasi stesen sungai.

Pertama, menyediakan pelan buangan sungai (secara digital dan boleh diakses awam) berdasarkan pentakrifan kualiti kadar bebanan sumber air sedia ada kepada setiap pemaju dan pemain industri yang menyediakan loji sisa terawat di premis masing-masing.

Menerusi kaedah ini, PBT bersama JAS boleh mengarahkan setiap premis melaporkan pembuangan sisa berkadaran dengan kadar bebanan sumber air dan tidak lagi hanya berdasarkan Pia-waian A atau B daripada AKAS (Pindaan) 2012.

Pada peringkat perancangan juga akan membantu menyelaraskan keperluan Penilaian Kualiti Alam Sekitar bagi memastikan setiap projek baharu perlu mematuhi garis panduan semasa.

Kedua, pencegahan kepada sisa buangan atau efluen (sama ada secara berjadual atau haram) boleh dilaksanakan

dengan memberikan insentif tambahan kepada pihak premis atau industri mengikut kategori.

Antara insentif terbaik boleh dilaksanakan adalah membabitkan rebat cukai tambahan terhadap sistem pengolah efluen yang dilaksanakan dan pengencualian bayaran fi tertentu yang dikenakan sebelum ini.

Konsep analisa biaya-manfaat boleh dilaksanakan membabitkan peruntukan Kerajaan Pusat atau negeri terhadap inisiatif tahunan untuk pembersihan sumber air.

Ketiga, keperluan pelaksanaan termasuk meletakkan prasyarat terhadap pematuhan secara sifar pelepasan efluen ataupun mengikut konsep perkadaran fi bagi setiap efluen.

Bagi mana-mana dalang yang mensabotaj sistem air, selain menggunakan peruntukan akta dan enakmen, PBT boleh mengarahkan pembayaran fi terhadap segala proses rawatan semula sisa efluen yang dibayar semasa berlakunya kontaminasi di lapangan.

Ini bagi membolehkan dalang dipertanggungjawab terhadap semua bukti pencemaran yang dilakukan, selain membayar denda dan menjalani hukuman penjara.

Keempat, menggerakkan serta-merta

usaha proaktif kerajaan negeri membabitkan komuniti sungai, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pendidikan dalam memberikan nilai tambah usaha kelestarian lembangan sungai seperti Sungai Langat (Selangor) dan Sungai Skudai (Johor).

Usaha ini perlu membabitkan struktur lebih jelas bersama misi untuk melakukan transformasi masyarakat pada peringkat punca.

Kaedah ini juga boleh disinergikan bersama kumpulan pemantau, seperti dicadangkan Kementerian Alam Sekitar dan Air dalam inisiatif 10,000 kilometer (km) Denai Sungai Kebangsaan.

Kelima, melaksanakan platform terbuka (penggunaan media sosial) dan memberikan setiap lapisan masyarakat peluang berkomunikasi secara terkawal membabitkan aktiviti pencemaran di sungai.

Bagaimanapun, gerakan platform terbuka seperti ini harus dikawal kerana hanya fakta dan informasi tepat diperkualiti dalam bentuk mencegah, mengawal dan memulihara sumber air berbanding hanya tertumpu kepada 'berita pantas'.

Dunia kini berhadapan pelbagai cabaran baharu terutama menerusi penyebaran berita palsu bagi menaikkan 'rating' individu atau sesuatu kelompok. Maka isu ini perlu ditangani sebaiknya dalam platform ini.

Ringkasnya, kewajaran menyediakan pelan dan strategi bersesuaian seperti dinyatakan hanya boleh direalisasikan sekiranya matlamat serupa disinergi pada peringkat Pusat dan negeri, selain menggalakkan inisiatif secara lokaliti.

Jenayah cemar alam sekitar terlalu berbahaya, licik dan memberikan impak rentas sempadan yang boleh diklasifikasikan sebagai jenayah yang tidak boleh 'dimaafkan' secara peruntukan akta.

Justeru, sekarang masa terbaik melaksana segala perancangan di peringkat kerajaan, selain saranan tambahan dinyatakan.

Penulis adalah Pengarah Kelestarian Kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor

Isu pencemaran bukan sekadar membabitkan industri, tetapi juga berpunca sikap tidak bertanggungjawab premis perniagaan, pasar awam, rumah kediaman serta gerai yang menghubungkan langsung sistem buangan dengan parit sehingga mengalir ke sungai.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JAS, LUAS perlu lakukan ujian saringan kualiti air
Muka Surat	:	15

JAS, LUAS perlu lakukan ujian saringan kualiti air

Kuala Selangor: Pihak berwajib khususnya Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) perlu menjalankan ujian saringan pada setiap masa atau berkala untuk memeriksa tahap kualiti air Sungai Buloh di Jeram, dekat sini.

Pakar kualiti air, Dr Zaki Zainudin, berkata proses mengambil sampel air sungai berkenaan perlu dilakukan dan kemudian dianalisis untuk mencari punca pencemaran, termasuk sama ada ia disebabkan faktor semulajadi.

"Untuk melihat kualiti air sungai itu, perlu dilakukan be-

berapa analisis untuk mengesan kandungan organik, oksigen terlarut, ammonia dan pH (tahap alkali air).

"Jika pH menunjukkan air berasid dan kandungan oksigen tidak rendah dalam keadaan tidak tinggi, ia (pencemaran) mungkin secara semulajadi. Contohnya akibat resapan organik dari tanah yang mempunyai kandungan organik tinggi seperti tanah gambut," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata, air Sungai Buloh mungkin tercemar sekiranya pemeriksaan menunjukkan kandungan oksigen terlarut dalam

sungai itu terlalu rendah.

Katanya, ketinggian kandungan organik yang melampau akibat pencemaran boleh mengakibatkan oksigen terlarut jatuh mendadak dan memberi kesan kepada kualiti air.

Beliau juga menjelaskan, sungai yang berada di pesisir pantai seperti Sungai Buloh, bersifat lebih sensitif terhadap pencemaran.

"Sekiranya berlaku pencemaran dan pada masa sama air pasang, pencemaran itu sukar dan lambat ditolak ke laut, sebaliknya ia kekal lama dalam sungai dan membahayakan kehidupan di dalamnya.

"Ini dinamakan flushing effect," katanya sambil mengakui beliau memang maklum mengenai keadaan Sungai Buloh.

Dr Zaki berkata, persoalan yang belum terungkai adalah sama ada perubahan warna air sungai berkenaan disebabkan oleh pelepasan sisa atau kerana faktor semulajadi berikutan ia terletak di kawasan tanah gambut.

"Saya belum mendapat pengesahan sepenuhnya. Apa yang saya risaukan adalah keadaan di Sungai Buloh mungkin tidak begitu diberi perhatian kerana ia bukan sungai yang membekalkan

air mentah ke loji air untuk di-proses menjadi air terawat.

"Namun, sekiranya perubahan warna air sungai itu diakibatkan oleh pencemaran, ia boleh menjejaskan hidupan akuatik, malah ikan di sungai dan persisir pantai boleh mati.

"Harus diingat bahawa isu sungai adalah isu utama yang perlu diberi perhatian, sama ada ia membekalkan air terawat atau tidak. Ini kerana pencemaran yang berpunca daripada pembangunan tidak terancang boleh membebani semua pihak jika tidak diatasi sepenuhnya," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Sungai Buloh dicemari 4 tan kumbahan setiap hari
Muka Surat	:	15

Sungai Buloh dicemari 4 tan sisa kumbahan setiap hari

2,822 kilang,
 premis berpotensi
 jadi punca
 pencemaran
 sistem saliran

Oleh Ilah Hafiz Aziz
 illahhafiz.abdulaziz@bh.co.my

Kuala Selangor: Kira-kira 4,000 kilogram (kg) atau empat tan sisa pepejal tidak terlarut hasil kumbahan serta buangan industri, dikesan memasuki Sungai Buloh sepanjang hampir 50 kilometer di Jeram, dekat sini, setiap hari sejak beberapa tahun lalu.

Sisa pepejal itu atau TSS (Jumlah Pepejal Terampai/Total Suspended Solid) adalah parameter penting dalam menentukan kualiti air. Istilah pepejal dalam konteks berkenaan bermaksud bahan tidak terlarut dijumpai dalam air sungai yang menyebabkannya keruh.

BH juga difahamkan, antara parameter atau penentu lain yang turut dikesan menjadi penyebab penurunan kualiti air sungai terbit adalah kandungan Oksigen Terlarut, Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia (COD) dan Ammoniakal Nitrogen.

Mengikut maklumat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, sejumlah 3,700kg BOD dan 11,000kg COD dikesan dalam sungai berkenaan setiap hari, belum mengambil kira sampah sarap yang dibawa aliran air dan terbenam di sepanjang sungai sehingga muara sistem saliran berkenaan.

BH turut dimaklumkan, ketika



Ada di antaranya tidak mempunyai loji pengolahan untuk merawat sisa, sekali gus patuh kepada Piawai B Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Nor Aziah Jaafar,
 Pengarah JAS Selangor

ini sebanyak 2,822 kilang atau premis berada di sekitar lembangan Sungai Buloh, kebanyakannya beroperasi di sekitar Sungai Gasi, Sungai Hampar dan Sungai Kedondong dan berpotensi menjadi punca pencemaran sistem saliran di kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, semua sungai berkenaan bukan sumber air mentah untuk kegunaan umum.

Mengikut pecahan, kawasan sekitar Kampung Baru di Sungai Buloh menempatkan 1,108 kilang atau premis industri, disusuli 462 premis lagi di Kawasan Perindustrian Bandar Sri Damansara dan 274 di Ta-

man Perindustrian KIP.

JAS turut mengesan pelepasan sisa dari loji rawatan kumbahan, sisa pertanian dan penternakan serta dari tapak pelupusan sampah dan kumbahan bukan najis (grey water) dari kawasan perumahan, restoran, pasar dan dobi.

Semua faktor itu menjadi punca habitat Sungai Buloh dan muaranya terjejas teruk dengan kualiti air semakin merosot hari demi hari sehingga mengakibatkan sungai berbau busuk, airnya kehitaman dan berminyak. Ia sekali gus turut menjejaskan habitat hidupan dalam sungai terbit dan muaranya.

Mengulas perkara itu, Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar, berkata daripada 2,000 premis industri yang berada di Lembangan Sungai Buloh, kira-kira 20 peratus didapati mengeluarkan atau melepaskan sisa perindustrian ke dalam sungai.

"Ada di antaranya tidak mempunyai loji pengolahan untuk merawat sisa, sekali gus patuh kepada Piawai B Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009," katanya kepada BH.

Semalam, BH mendedahkan nelayan kerang di muara Sungai Buloh lebih banyak memperoleh 'hasil' dalam bentuk sampah-sarap sepanjang empat hingga enam jam memerah kerang setiap hari mencari kerang di perairan berhampiran.

Masalah itu dipercayai disebabkan pembuangan sampah-sarap yang mencemari sungai berkenaan, selain disyaki juga akibat pelepasan bahan kimia, berdasarkan keadaan sungai itu yang airnya kehitaman, berbau dan seolah berminyak.



Keratan akhbar BH, semalam.

Lokasi dan jumlah industri di sekitar Lembangan Sungai Buloh

Kawasan Industri	Jumlah industri
Kampung Baru Sungai Buloh	1,108
Bandar Baru Sungai Buloh	162
Mah Sing Integrated Industrial Park	250
Desa Moccis/ Kampung Merbau Sempak Tambahan	250
Kawasan Perindustrian Lingui	13
Kawasan Perindustrian Desa Aman	67
Taman Peindustrian Sungai Buloh Jaya	113
Kawasan Perindustrian Kampung jaya	86
Bukit Rahman Industrial Park	12
Taman Perindustrian KIP	274
Tago Industrial Park	125
Kawasan Perindustrian Magiids	11
Kawasan Perindustrian Bandar Sri Damansara	462
Taman Industri Alam Jaya	84
Kawasan Perindustrian Batu 22, Ijok	16
Ijok Town dan Kawasan Perindustrian Ijok 3	28
JUMLAH	2,822



KERATAN AKHBAR
29 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Komuniti Cub Prix lega musim 2020 lengkap
Muka Surat	:	47

Komuniti Cub Prix lega musim 2020 lengkap

Kuala Lumpur: Komuniti Kejuaraan Cub Prix Malaysia PETRONAS bersyukur perlumbaan musim 2020 dapat dilengkapkan di sebalik cabaran pandemik COVID-19.

Pengarah Safe Aim Mutual (SAM) Sdn Bhd, Ron Hogg berkata, walaupun empat pusingan terpaksa ditamatkan dalam jangka masa enam hari di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) minggu lalu, komuniti perlumbaan dua roda negara tetap lega kejuaraan itu dapat dilengkapkan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan yang memberikan kebenaran meneruskan perlumbaan.

“Tidak lupa juga Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari serta Timbalan Menteri Belia dan Sukan Wan Ahmad Fa-

yhsal Wan Ahmad Kamal yang ‘turun padang’ untuk turut menyerikan perlumbaan terakhir musim di SIC hujung minggu lalu.

“Peluang untuk menamatkan musim ini telah melonggarkan kekangan kewangan yang mungkin dihadapi oleh semua pasukan perlumbaan sekiranya empat perlumbaan terakhir tidak dapat dianjurkan.

“Tidak dinafikan, perlumbaan enam hari dengan empat pusingan berturut-turut menelan kos belanja yang begitu tinggi. Namun, semua pihak, termasuk penaja dan pasukan menghulurkan kerjasama yang begitu memberangsangkan,” katanya dalam satu kenyataan.

Kejuaraan Cub Prix 2020 sebanyak lapan pusingan itu terpaksa ditangguh beberapa kali berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat sejak Mac untuk mengekang wabak COVID-19.



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	2020 penuh kejutan kesedihan
Muka Surat	:	16

MINDA PEGUAM

Oleh
 Salleh Buang



DUA hari lagi kita akan ucapkan selamat tinggal kepada 2020 - yang diharapkan menjadi 'tahun kemegahan' andainya kita berjaya mencapai status negara maju (matlamat Wawasan 2020), tetapi malangnya ditakdirkan menjadi 'tahun penuh kejutan dan kesedihan'.

Ia memberi pengajaran bahawa kita hanya boleh merancang, Allah SWT yang mentakdirkan.

Dalam surah al-Imran ayat 54, Allah berfirman (yang maksudnya): "Dan mereka merancang, dan Allah juga merancang, sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik perancang."

Antara kejutan paling awal adalah kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan pada Februari lalu akibat komplot beberapa individu yang mengaturkan 'Langkah Sheraton', sekali gus mempamerkan satu sifat buruk segelintir pengamal politik di negara ini - tidak amanah, memungkir janji dan taasub merebut kuasa.

Kejutan berulang pada Mac lalu dengan kedatangan pandemik Covid-19. Pada 20 Mac lalu, tiga hari selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, kes jangkitan virus Covid-19 sudah melepasi angka 1,000.

Tarikh 20 Mac itu juga merupakan hari Jumaat pertama di negara ini yang mana masjid ditutup dan umat Islam tidak dibenarkan mengerjakan solat Jumaat. Walaupun Kerajaan Persekutuan tidak mengisytiharkan darurat di seluruh negara (seperti dilakukan di beberapa negara luar), bagi umat Islam 'darurah' dari segi hukum syarak telah berlaku, menandakan permulaan tempoh kesedihan untuk berbulan lamanya.

Pada 14 Mei lalu, kita dikejutkan oleh mahkamah apabila Hakim Azman Ahmad melepaskan tanpa membebaskan Riza Shahriz Abdul Aziz, iaitu anak tiri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang dituduh melakukan perubahan wang haram US\$248 juta (RM1.25 bilion) berkaitan penyelewengan dana 1Malaysia Development



YANG menyedihkan adalah kita tiada kepastian bila pandemik Covid-19 akan berakhir. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

2020 penuh kejutan, kesedihan

Berhad (1MDB).

Pada 18 Mei lalu, Kedah dikejutkan dengan kejatuhan Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, apabila jawatannya dirampas oleh pemimpin Pas, Muhammad Sanusi Mohd. Nor. Beliau kemudian mengejutkan banyak pihak dengan kenyataannya mengenai isu bekalan air kepada Pulau Pinang, perobohan kuil Hindu dan niatnya untuk meneroka hasil nadir bumi yang dikatanya bernilai berbilion ringgit.

Pada 9 Jun lalu, negara dikejutkan lagi apabila Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin melepaskan dan membebaskan Tan Sri Musa Aman daripada semua 46 pertuduhan rasuah dan perubahan wang haram yang dihadapinya. Mahkamah berbuat demikian setelah pendakwa menarik balik semua pertuduhan terhadap bekas Ketua Menteri Sabah itu.

Pada 20 Julai lalu pula, Sultan Selangor meluahkan rasa sedih baginda apabila mural potret pemimpin negara yang menjadi perhatian ramai di Shah Alam diconteng dan dicemari kata-kata kesat.

Pada 28 Julai lalu, kejutan kali ketiga oleh mahkamah apabila Najib disabitkan

kesemua tujuh pertuduhan terhadapnya dan dihukum penjara 12 tahun serta denda RM210 juta. Najib kini masih bebas dengan ikat jamin sementara menunggu rayuannya ke Mahkamah Rayuan didengar dan diputuskan.

KENDURI KAHWIN

Berbanding Musa (yang dibebaskan) dan Najib (yang disabitkan), bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Samad masih belum dapat meramalkan masa depannya. Setelah selesai mengemukakan pembelaannya di mahkamah pada 24 Disember lalu, beliau terpaksa menunggu hingga 3 Februari depan untuk mengetahui keputusannya.

2020 adalah tahun kesedihan bagi keluarga anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim yang mati akibat kecederaan dialaminya dalam satu rusuhan di pekarangan sebuah kuil Hindu pada 27 November 2018. Pada September lalu, Koroner Rafah Mohamad menyatakan kematian Adib disebabkan perbuatan jenayah beberapa individu yang tidak dikenal pasti identiti mereka.

Pada 14 November lalu, Menteri Dalam Negeri

memberitahu Dewan Rakyat bahawa hasil siasatan kes Muhammad Adib akan dimaklumkan tidak lama lagi. Bapa Muhammad Adib, Mohd. Kassim memberitahu wartawan, beliau dan ahli keluarganya telah menunggu sekian lama untuk melihat muka pembunuh anaknya di mahkamah.

Bulan ini dikejutkan dengan berita tangkapan beberapa pegawai tinggi Jabatan Imigresen (yang disyaki terlibat dalam jenayah perdagangan manusia dan penyeludupan migran), skandal daging beku tidak halal, kontrak pembinaan enam kapal tempur pesisir pantai (LC) untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (RM6 bilion telah dibayar tetapi satu pun belum siap) dan kenduri kahwin anak figura awam di hadapan Istana Kehakiman, Putrajaya.

2020 juga dipenuhi kesedihan dengan pemergian Profesor Diraja Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid dan terbaharu, pemergian Tun Rahah Mohamed Noah, iaitu ibu Najib. Pada November lalu, kita kehilangan seorang tokoh wartawan dihormati, dan bagi saya seorang sahabat yang baik hati, Datuk Baharom Mahusin.



Antara kejutan paling awal adalah kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan pada Februari lalu akibat komplot beberapa individu yang mengaturkan 'Langkah Sheraton'..."

Pada minggu terakhir tahun ini, kita dimaklumkan, angka jangkitan Covid-19 melepasi 100,000 manakala kematian sudah mencecah 449.

Pada November lalu, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menyatakan kebimbangannya mengenai keselamatan penggunaan vaksin Covid-19 yang bakal diperoleh kerajaan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri mengesahkan, penggunaan vaksin Covid-19 akan diperhalusi dalam Muzakarah Fatwa Kebangsaan untuk memastikan ia tidak memudaratkan tubuh badan bagi jangka masa panjang.

Pada 22 Oktober lalu, agensi berita, AFP melaporkan, seorang sukarelawan ujian klinikal vaksin Covid-19 yang dibangunkan Universiti Oxford meninggal dunia di Brazil. Ini merupakan kematian pertama dalam siri ujian vaksin Covid-19 yang dijalankan di seluruh dunia. Sukarelawan berkenaan, seorang doktor berusia 28 tahun bertugas sebagai barisan hadapan dan meninggal dunia akibat komplikasi Covid-19.

Mengikuti laporan media dari United Kingdom (UK), ujian klinikal vaksin Covid-19 yang dijalankan syarikat farmaseutikal, AstraZeneca dihentikan selepas dua sukarelawan di UK mengalami penyakit neurologi yang serius.

Kita tunggu dan lihat, apakah tindakan Kementerian Kesihatan bagi mengatasi kebimbangan rakyat mengenai keselamatan vaksin ini. Yang menyedihkan kita adalah tidak ada kepastian bila pandemik Covid-19 ini akan berakhir.

DATUK Salleh Buang ialah bekas Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara dan bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
29 December 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Ajak pusing Selangor dulu
Muka Surat	:	27

BERCAKAP mengenai keinginannya untuk berjalan-jalan, Jue mengaitkannya dengan kempen 'Pusing Selangor Dulu' yang menyaksikannya sebagai duta pilihan Tourism Selangor.

Menurut Jue, dia berbangga membawa gelaran duta kempen tersebut dan menyifatkannya begitu dekat dengan jati dirinya sebagai seorang anak Selangor.

"Dari dulu lagi, saya akan buat atau suka sesuatu itu jika ia berkaitan dengan diri. Macam kempen ini, saya bangga bila dapat mewakili negeri sendiri."

"Kecintaan saya terhadap Selangor ini sebenarnya sudah lama. Malah, kalau ada yang perasan, saya juga pernah menghasilkan rekaan loket barangan kemas dengan bentuk peta negeri Selangor."

"Jadi apabila terpilih menjadi duta kempen ini, memang saya rasa teruja sebab ia sangat signifikan dengan diri," katanya.

Menganggap setiap orang pasti memiliki sifat sayangkan negeri sendiri, kata Jue, sudah tentu semua orang juga gembira apabila berpeluang mewakili negeri dalam apa jua sektor.

"Ia lebih kepada semangat patriotik. Kita secara automatik lebih menghargai tanah air, warisan dan tempat di mana asal kita. Macam apa yang ada di Selangor, bukan sahaja tempatnya yang cantik-cantik, semuanya ada di sini."

"Alam semulajadi, makanan malah bagi mereka yang hendak mencari aktiviti sukan lasak juga ada terdapat di negeri ini di pelbagai lokasi," katanya.

BUKAN SEBAB JADI DUTA

Menurut Jue, jika ada tanggapan mengenai dirinya cuma tahu mengenai keindahan dan keistimewaan

Ajak pusing Selangor dulu



Kalau ada yang perasan, saya juga pernah menghasilkan rekaan loket barangan kemas dengan bentuk peta negeri Selangor."

negeri Selangor hanya kerana dia dilantik sebagai duta kempen, itu adalah tanggapan yang salah.

Katanya, perihal itu tidak wujud kerana dia sudah lama mengenali negeri sendiri meski ada tempat yang belum lagi sempat dijejaki.

"Saya memang tahu di Selangor banyak tempat yang menarik untuk dikunjungi. Tetapi tidak dinafikan, saya lebih banyak mendapat info sejurus selepas terlibat dalam kempen ini."

"Masih banyak yang tempat yang belum saya terokai kerana belum ada kesempatan. Contohnya, Sky Mirror dan kawasan tanaman padi di Sekinchan, ternyata menarik dan cantik."

"Kalau ada kesempatan, memang saya nak pergi lagi bersama keluarga," katanya.

Dalam perkembangan lain, Jue memberitahu dia baru sahaja selesai menjalani penggambaran telemovie berjudul *Air Mata Biru* dan *Instafamous*.

Selain itu, dia juga diberi peluang untuk menjadi hos untuk program televisyen berjudul *Hey Doc!* yang akan ditayangkan di saluran unifi.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Ambil tindakan segera-Penduduk
Muka Surat	:	29

Ambil tindakan segera - Penduduk

KLANG: Penduduk menggesa supaya pihak berkuasa yang bertanggungjawab mengambil tindakan segera berhubung isu jalan rosak bagi mengelak berlakunya kemalangan yang boleh mengorbankan nyawa.

Salah seorang penduduk, **R. Ramasamy**, 54, berkata, dia sudah beberapa kali membantu mangsa kemalangan di kawasan Taman Emas tersebut.

“Masalah jalan rosak ini berlaku sejak setahun lalu dan menyebabkan pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal terlibat kemalangan.

“Kejadian ini kebanyakannya berlaku pada waktu malam kerana mangsa terlanggar lubang lalu terbabas,” katanya yang menetap di situ sejak 30 tahun lalu.

Dalam pada itu, datuk ke-

pada dua cucu itu berkata, keadaan jalan tersebut sememangnya agak gelap biarpun ada lampu yang kadang kala tidak berfungsi.

“Saya berharap pihak berwajib segera membaiki laluan tersebut yang mengundang bahaya kepada pengguna,” ujarnya.

Bagi penunggang motosikal, **Mohd. Asyraf Syawal**, 29,

masalah jalan itu perlu segera diatasi kerana mengancam nyawa terutama pengguna dari luar daerah ini.

“Bagi yang kerap menggunakan laluan ini, mereka mungkin sudah mengetahui keadaan jalan tersebut. Tetapi bagi orang luar daerah ini mereka tidak keadaan jalan di sini,” katanya yang menetap di Pelabuhan Klang.



R. RAMASAMY



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Jalan rosak undang maut
Muka Surat	:	29



KEADAAN jalan raya yang rosak dan tidak rata di sekitar Persiaran Hamzah Alang, Kapar, Klang, Selangor. membahayakan pengguna bahkan boleh mengundang maut.

Jalan rosak undang maut

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS dan ISKANDAR SHAH MOHAMED
 utusannews@mediamulla.com.my

KLANG: Jalan raya yang rosak, bertampal, tidak rata dan pasti akan bertakung sekiranya hujan.

Itulah situasi yang sedang dihadapi pengguna jalan raya ketika ini termasuk kemungkinan besar terlibat kemalangan jika terlanggar jalan rosak dan lubang yang wujud di tengah-tengah jalan raya.

Mangsa terbaharu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dilaporkan mengalami kecederaan selepas basikal ditunggangnya melanggar lubang dalam kejadian di Seri Cheeding, Banting dekat sini, Ahad lalu.

Bukan itu sahaja, baru-baru ini juga seorang penunggang motosikal terjatuh akibat terlanggar lubang di permukaan

jalan raya berhadapan Hospital Columbia di Jalan Mahkota, Mutiara Bukit Raja dan dilaporkan mengalami kecederaan retak tangan kiri dan pendarahan di bahagian kepala.

Masalah jalan rosak, berlubang dan tidak rata itu turut dihadapi penduduk di sekitar daerah ini antaranya di Taman Klang Jaya, Jalan Seruling 59 Taman Seri Andalas, sekitar Taman Sentosa dan Persiaran Hamzah Alang.

Di Persiaran Hamzah Alang contohnya, jalan yang rosak kira-kira lebih dua kilometer yang menghubungkan Meru ke Pekan Kapar itu pernah berlaku kemalangan terutama melibatkan motosikal ketika waktu malam dan hujan lebat.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati sebahagian laluan berdekatan Taman Emas dan Taman Putra Baru itu berlubang dan tidak berturap dengan baik

selain turut ditakungi air selain kelihatan pengguna terpaksa memperlahankan kenderaan bagi mengelak berlaku sebarang kemalangan atau kerosakan.

Berlainan di Taman Sentosa pula, selain berlubang terdapat jalan yang berbonggol dan pecah-pecah terutama di jalan utama dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa.

Jalan rosak disebabkan kenderaan berat seperti treler dan bas lalu-lalang dari Shah Alam untuk ke Pelabuhan Klang melalui jalan utama di kawasan ini.

Bagaimanapun, yang menjadi tanda tanya, mengapa jalan raya di kedua-dua kawasan itu boleh dibaiki dalam tempoh singkat sejourus berlakunya kemalangan melibatkan mangsa? Adakah pihak berkuasa perlu menunggu kemalangan baharu membaiki jalan raya?



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	NGO cadang wujud SOP kerja turapan jalan
Muka Surat	:	29

NGO cadang wujud SOP kerja turapan jalan

KLANG: Ikatan Silaturahim Brotherhood menggesa pihak berkuasa terutama Kementerian Kerja Raya khususnya Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk segera mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) bagi kerja-kerja turapan sementara jalan di negara ini.

Pengasasnya, Azlan Sani Zawawi berkata, sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan isu jalan raya berkualiti dan selamat, SOP tersebut penting dalam memastikan jalan raya diturap dengan sempurna serta tidak menjejaskan pengguna yang menaiki pelbagai jenis kenderaan.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Lando Zawawi mendakwa, kerja-kerja konsepsi untuk menurap dan menutup lubang-lubang dilakukan dengan menggunakan tanah

dan bahan-bahan kualiti rendah yang mudah rosak.

“Kerja-kerja turapan sementara oleh konsepsi terbabit yang dilakukan secara percuma tanpa mengikut SOP menjadi punca jalan baharu diturap pecah dengan cepat tidak sampai 24 jam.

“Keadaan ini menyebabkan kemalangan berlaku jika pengguna motosikal melalui kawasan terbabit tidak kira masa. Malah di negeri ini, JKR menyerahkan sepenuhnya kerja turapan jalan kepada pemaju tanpa pemantauan.

“Contohnya di Setia Alam, banyak jalan di situ yang sepatutnya diserahkan kepada JKR negeri tetapi masih berada di bawah seliaan pemaju. Di kawasan ini juga kerap berlaku kemalangan,” katanya dihubungi *Utusan Malaysia* baru-baru ini.



KUMPULAN Brotherhood mengambil inisiatif membuat bulatan cat putih bagi menandakan kawasan jalan rosak di Setia Alam, Selangor baru-baru ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
29 December 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kecewa rayuan tidak didengar
Muka Surat	:	31

Kecewa rayuan tidak didengar

Oleh **MOHD. FADHLI**
MOHD. SULAIMAN
 fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: "Menteri Besar Selangor balas surat rayuan kami untuk menaguhkan perobohan gerai. Pada masa sama kita minta Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengadakan perbincangan, tetapi sampai sekarang tiada."

Itu luahan kekecewaan di-zahirkan Pengerusi Persatuan Penjaja Puchong, Datuk Ismail Awang bersama 43 penjaja kepada MPSJ yang merobohkan gerai makanan yang beroperasi sejak 20 tahun lalu di Puchong Permai, di sini semalam.

Ismail berkata, dia kecewa susulan tindakan Datuk Bandar Subang Jaya, Noraini Roslan yang enggan bersempuka dengan semua penjaja di kawasan itu berhubung isu perobohan gerai makan yang menjadi kawasan utama untuk penjaja mencari pendapatan.

"Menteri Besar, Amiruddin Shari telah mengeluarkan surat



ANTARA peniaga yang kecewa dan sedih apabila MBSJ melakukan kerja-kerja meroboh gerai dalam operasi di sekitar Taman Puchong Permai dekat Kuala Lumpur, semalam - **UTUSAN/AMIR KHALID**

meminta untuk membuat susulan dengan pihak MBSJ tetapi sehingga hari ini (semalam) tiada sebarang perbincangan dilakukan. Akhirnya, notis tidak pun diberikan dan terus sahaja merobohkan gerai makan

kami," katanya kepada pemberita semalam.

Lebih 100 anggota penguat kuasa termasuk MBSJ, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) terlibat dalam operasi pe-

robohan gerai-gerai makan di Puchong Permai itu, kira-kira pukul 8 pagi semalam.

Operasi meroboh menjadi tegang apabila sekumpulan penjaja melakukan demonstrasi malah ada yang bergelut

dengan penguat kuasa bagi menghalang operasi itu daripada diteruskan.

Bagaimanapun, usaha para penjaja gagal apabila pihak berkuasa dapat mengawal keadaan sehingga semua gerai dirobohkan sepenuhnya.

Beberapa penjaja dilihat memegang sepanduk dan poster antaranya tertera tulisan 'MBSJ warga emas hilang pendapatan', 'MBSJ tangguh dulu perobohan ibu tunggal berniaga' dan 'MBSJ jangan bertindak zalim semasa Covid-19'.

Dalam pada itu, Ismail menyifatkan wakil rakyat kawasan itu sebagai bersikap 'lepas tangan' pada saat wakil rakyat yang lain membantu menyelesaikan masalah dihadapi.

"Kami cuma nampak hanyalah Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo yang membantu kami, memberi pelbagai cadangan dan sebagainya. Sedangkan dia sendiri tidak kelihatan seolah-olah enggan melayani kami dan tidak mahu menyelesaikan perkara ini dengan baik," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kuala Selangor naik status tahun depan
Muka Surat	:	32

Kuala Selangor naik status tahun depan

KUALA SELANGOR: Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dijangka berstatus majlis perbandaran tahun depan.

Yang Dipertuanya, Rahilah Rahmat berkata, perkara itu dalam fasa akhir proses pewartaan dan diteliti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

“Setakat ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) meluluskan cadangan menaik taraf status tersebut. Keputusan ini dimuktamadkan sepenuhnya oleh KPKT terutama dalam menentukan tarikh pewartaan kelak.

“Jika semua berjalan lancar, kita menjangkakan MDKS bertukar kepada status perbandaran tahun depan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Ogos lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari memaklumkan MDKS masih menunggu lampu hijau KPKT berhubung perubahan status majlis daerah kepada perbandaran selain melihat kepada beberapa penelitian.

Terdahulu, buat julung kali MDKS menjalinkan kerjasama strategik dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi membentuk aspirasi pembangunan dan persekitaran kondusif kepada warga daerah itu.

Rahilah berkata, pihaknya bersedia untuk pewartaan tersebut dan mematuhi kriteria ditetapkan kerajaan.

“Berdasarkan bancian terakhir, populasi penduduk di Kuala Selangor dianggarkan seramai 260,000 orang.

“Jumlah ini turut meliputi kawasan Puncak Alam yang berkepadatan penduduk paling tinggi dan berstatus bandar ketika ini,” ujarnya.

Untuk rekod, Selangor setakat ini mempunyai tiga majlis bandaraya iaitu Shah Alam, Petaling Jaya dan Subang Jaya.

Selayang, Ampang Jaya, Klang, Kajang, Kuala Langat dan Sepang pula berstatus majlis perbandaran sementara Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam memegang status majlis daerah.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Makan malam mengisi tabung
Muka Surat	:	42



Makan malam mengisi tabung

MENTERI Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari baru-baru ini telah melancarkan program kutipan tabung kebajikan bagi membantu golongan yang memerlukan sempena Majlis

Makan Malam Mantan AMK 2020.

Majlis itu dianjurkan oleh Pertubuhan Generasi Keadilan Malaysia yang berlangsung ke kediaman rasmi menteri besar di

Astaka Megawati, di Shah Alam.

■ **AMIRUDIN** Shari (dua dari kanan) melakukan cabutan bertuah pada majlis Makan Malam Mantan AMK 2020 di Shah Alam baru-baru ini.



KERATAN AKHBAR 29 December 2020		
Akhrar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jangan roboh gerai kami
Muka Surat	:	11



Oleh Yusmizal Dolah Aling
 yusmizal@hmetro.com.my

Puchong

“Tolonglah, mana kami nak cari rezeki kerana (berniaga) ini sahaja mata pencarian kami sejak 20 tahun lalu.”

Begitu kata peniaga, Khadijah Che Lah, 62, antara 43 peniaga di Bulatan Puchong Permai di sini, yang terjejas selepas gerai mereka mahu dirobohkan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), semalam.

Khadijah berkata, dia bersama rakan peniaga di kawasan itu tidak mempunyai sumber rezeki lain jika gerai mereka dirobohkan.

“Saya merayu, bantulah kami. Kebanyakan (peniaga) di sini adalah warga emas dan ibu tunggal yang hanya bergantung harap dengan berniaga.”

“Kalau boleh (gerai) di sini dikedalkan, kalau mahu diselamatkan, kami boleh selaras dengan cari duit tapi jangan tolak (gerai) kawasan ini kerana tiada perancangan (pembangunan).”

“Kami akan mengikut cadangan MBSJ untuk berpindah, tetapi biarlah tempat yang disediakan itu lebih strategik,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.



JENTERA bersedia untuk merobohkan gerai haram di Puchong Permai.

Peniaga lain, Nor Azadila Alias, 38, berkata, cadangan MBSJ supaya peniaga dapat berniaga secara bergilir-gilir tiga syif hanya membebankan mereka.

Katanya, lot gerai baru seperti kios itu juga lebih kecil dan tidak sesuai untuk berniaga dan berharap mereka mempertimbangkan semula arahan terbahit demi kebaikan semua pihak.

“Kami tiada masalah untuk berpindah, tetapi janganlah tidak bersesuaian dengan (perniagaan) kami. Mereka mahu kita berniaga

tiga sesi, pagi orang lain, petang orang lain, malam orang lain, mana boleh macam itu,” katanya.

Sementara itu, suasana kecoh ketika anggota penguat kuasa MBSJ mahu memulakan kerja merobohkan gerai di kawasan berkenaan termasuk ada peniaga menanganis meminta ihsan selain meminta masa untuk meroboh premis mereka.

Bagaimanapun, operasi meroboh gerai terbahit dihentikan selepas perbincangan diadakan antara Per-

satuan Usahawan Primawalk Puchong (Puspep) dan Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhas).

Dalam pada itu, Pengerusi Puspep, Datuk Ismail Awang berkata, semua peniaga kawasan terbahit diberikan tempoh sehingga tujuh hari untuk merobohkan sendiri gerai masing-masing.

Katanya, Puspep juga akan merayu kepada MBSJ dan Menteri Besar Selangor, Datuk Amirudin Shari untuk terus mengekalkan kawasan perniagaan di situ.

“Kita minta supaya pihak berwajib mendengar keluhan-kesah peniaga yang mencari rezeki di situ sejak dulu,” katanya.




PENIAGA mengalihkkan barangan perniagaan ketika operasi perobohan gerai haram oleh MBSJ di Puchong Permai.



KAKITANGAN TNB memotong sambungan kabel elektrik gerai.



PRÉSIDENT Ikhas, Mohd Ridwan Abdullah mengkalang operasi perobohan gerai-haram oleh MBSJ sehingga tertangguh.



PENGUAT KUASA MBSJ merobohkan gerai yang sudah dikosongkan.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 December 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Layanan double standard dibidas
Muka Surat	:	2

Permohonan maaf kepada KJ di Twitter disifatkan pilih kasih

Netizen kecam JKR

LAMAN sosial Twitter dan Facebook rasmi Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Lumpur semalam diserang netizen yang rata-rata tidak bertenang dengan permohonan maaf kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang disifatkan sebagai layanan double standard.

JKR Kuala Lumpur meminta maaf kepada Khairy Jamaluddin atau KJ yang cedera pada kemung dan hidung selepas terjatuh ketika meninjau basikal di laluan tidak rata dan berlobang di Jalan Kampung Sri Cheong, Banting, Selangor kelmarin.

LAPORAN DI MUKA 2



JALAN berlobang di Kampung Sri Cheong, Banting ternas ditutup selepas Khairy terjatuh ketika meninjau basikal kelmarin.



KEADAAN Khairy yang cedera selepas terjatuh.

Netizen persoal respons JKR terhadap rakyat biasa dan orang kenamaan

Layanan double standard dibidas

Oleh MOHD. YUNUS YAKUB

SEAH ALAM - Laman sosial Twitter dan Facebook rasmi Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Lumpur semalam diserang netizen yang mendakwa pihak berkuasa itu pilih kasih dalam menyelesaikan masalah jalan berlobang dan tidak rata yang dialami antara rakyat biasa dengan orang kenamaan.

Rata-rata mereka menyatakan rasa tidak puas hati apabila JKR Kuala Lumpur membuat permohonan maaf kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Ahli Parlimen Banting itu cedera apabila terjatuh ketika melintasi jalan yang tidak rata dan berlobang semasa berbasikal di Jalan Kampung Sri Cheong, Banting pada pukul 11 pagi kelmarin.

Permohonan maaf itu dibuat ketika JKR Kuala Lumpur membalas ucapan Twitter Khairy kerana lima jam selepas beliau ditimpa kemalangan.

Lebih memarahkan netizen 'panas' apabila JKR Hulu Langat tidak memuatkan laporan atau masa berhari-hari untuk membaiki dan memura jalan tersebut.

Netizen turut membantah ruang komen selain mempersendakan JKR Kuala Lumpur yang lebih memprioritaskan menteri berbanding rakyat biasa.

Seorang pengguna laman sosial Facebook, Hasbullah Othman menyifatkan tindakan itu

KERATAN Kosmo' semalam.

lebih kepada mengaibkan kedudukan masing-masing.

"Menteri kayuh basikal langgan lubang. JKR terus-menerus memulau dan tampal jalan. Jalan berlobang lain berlobang dan rakyat kemalangan kerana lubang tidak pada haur mem ni ya... Derat sebetul... kuduk semasa... Khasa lipan... Jasa Kepada Rakyat," tulisnya.

Mer. Shuh pula menyindir dengan memuat status rasmi menteri mengalakan aktiviti berbasikal di Kuala Lumpur bagi menyedari pemasalahan rakyat.

"Sapa spontan menteri bo-nyakan aktiviti berbasikal di Kuala Lumpur, makin ramai menteri berbasikal makin elok jalan. Manjula atul lubang, tar cantik dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, tujahan di laman Twitter JKR Kuala Lumpur memonitorkan seorang pengguna dengan nama AZAM menyatakan pembaikan jalan hanya akan dilakukan sekiranya berlaku kemalangan.

"Kalau rakyat biasa langgar lubang sampai ada yang meninggal-pun, buat basikal? Sampai kena ada surat untuk proses. Hensemmed sedih-pun bila ada



KEPINGAN jalan rusak diganti dengan tarapan baharu.

double standard macam ni' cagunya.

Dalam pada itu, rata-rata akan kumpulan di Facebook juga memaparkan isu permohonan maaf tersebut termasuk My Kuala Lumpur yang mengibutukan kepada produk di dalam

itu dengan memaparkan lukisan lukisan pejabat berlobang lubang jalan raya.

"Semua sa kemalangan akibat langgar lubang dan yang memarahnya semua itu hanya melibatkan rakyat biasa, bukan menteri. Tapi kenapa jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Lumpur tak pernah ada website pun masa minta maaf? soal pengendalinya.



CAMBAK turapan yang tersebar di laman Facebook My Kuala Lumpur. Gambar kecil menunjukkan cipapan basikal JKR Kuala Lumpur kepada Khairy.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Selangor, Johor banyak jalan rosak dan berlubang
Muka Surat	:	2

Selangor, Johor banyak jalan rosak dan berlubang

SHAH ALAM – Permohonan maaf Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Langat terhadap Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar kelmarin disifatkan sebagai pilih kasih.

Rata-rata netizen juga mempersoalkan sama ada nyawa mereka tidak setimpal dengan golongan golongan kenamaan (VIP) yang lebih diutamakan dalam sesuatu isu walaupun tinggal di kawasan terlibat itu.

Pengasas Persatuan Mangsa Kemalangan Jalan Raya Malaysia, Azlan Sani Zawawi atau Lando Zawawi berkata, permohonan maaf secara terbuka itu



AZLAN SANI

perlu diucapkan juga kepada penduduk sekitar Kuala Langat yang berdepan masalah jalan berlubang sejak sekian lama.

Dakwanya, kes melibatkan

jalan itu bukan perkara baharu sebaliknya telah lama berlaku dengan Selangor didapati menjadi negeri paling banyak jalan berlubang diikuti Johor.

"Kita menerima peningkatan daripada 30 aduan pada Januari hingga Mei kepada 60 pada September hingga Disember.

"Bagaimanapun, kita hanya melakukan tampalan sekiranya JKR dan pihak berkuasa tempatan (PBT) gagal melakukannya dalam tempoh tiga hari.

"AkuJanji JKR dan piagam PBT harus menyelesaikan dalam tempoh 24 jam," dakwanya.

Lando Zawawi yang juga Pengasas Ikatan Silaturahim

Brotherhood mendakwa, berdasarkan pemerhatian lubang di Jalan Kampung Sri Cheeding telah lama berlaku.

Dakwanya, kakitangan JKR Kuala Langat dikatakan telah melakukan pemantauan di jalan tersebut pada 24 Disember lalu, namun hanya menulis tiada dalam laporannya.

"Jangan buat laporan begitu (palsu). Kita bukan buta dan mereka sepatutnya menjalankan tugas dengan sebaiknya," katanya.

Beliau turut mempersoalkan sehingga kini tiada garis panduan daripada pihak berkuasa mengenai penurapan sementara

jalan-jalan berlubang seterusnya menyebabkan turapan dilakukan hanya sekadar melepaskan batuk di tangga.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia, Mohd. Yusof Abdul Rahman menegaskan tindakan JKR Kuala Langat itu memalukan agensi kerajaan.

"Sepatutnya, tidak wujud *double standard* dalam penyampaian agensi kerajaan kerana semua rakyat juga membayar cukai dan layak mendapatkan kemudahan sama rata dan bukannya memfokuskan kepada orang kenamaan sahaja.



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	MAEPS 2.0 tambah lebih 3,000 lagi katil
Muka Surat	:	5



SEBANYAK 6,000 katil disediakan ekoran peningkatan kes Covid-19 sejak kebelakangan ini di PKRC MAEPS 2.0, Serdang.

MAEPS 2.0 tambah lebih 3,000 lagi katil

PUTRAJAYA – Kapasiti katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (PKRC MAEPS 2.0), Serdang ditambah daripada 3,032 buah kepada 6,132 buah katil pada masa ini.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Dr. Rohaizat Yon berkata, usaha itu sebagai salah satu langkah proaktif KKM bagi memastikan kesiapsiagaan hospital sentiasa berada di tahap optimum.

Katanya, bilangan katil akan terus dipertingkatkan sehingga 10,000 katil mengikut keperluan semasa.

“Peningkatan kapasiti katil PKRC MAEPS 2.0 melalui pembukaan dewan baharu ini diperlukan kerana pertambahan kes positif Covid-19 yang berterusan.

“Pengoperasian PKRC MAEPS 2.0 diletakkan di bawah kawalan

Ketua Komander Wilayah Tengah iaitu Pengarah Kesihatan Negeri Selangor,” katanya menerusi kenyataan di laman Facebook semalam.

Mengulas lanjut katanya, kewujudan PKRC MAEPS 2.0 itu adalah hasil persetujuan sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan satu kolaborasi yang dipengerusikan bersama oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Rohaizat menjelaskan, agensi lain yang terbabit dalam usaha kolaborasi ini termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (JBPM).

“Agensi lain termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan MAEPS sendiri,” jelasnya.



KERATAN AKHBAR 29 December 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'Kami kehilangan punca pendapatan'
Muka Surat	:	18

'Kami kehilangan punca pendapatan'

SUBANG JAYA – Sekumpulan peniaga gerai jalanan berhampiran bulatan Puchong Prima dekat sini merayu agar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) tidak merobohkan gerai mereka sebelum memberikan tempat berniaga yang lebih baik.

Menurut peniaga berkenaan, kerja-kerja merobohkan premis tanpa notis rasmi itu telah menutup periuk nasi kira-kira 43 peniaga yang berdaftar di bawah Persatuan Penjaja Puchong Permai.

MBSJ semalam merobohkan lima gerai di kawasan tersebut sebelum memberi tempoh tujuh hari kepada peniaga untuk berunding.

Sepanjang tempoh itu, peniaga tidak dibenarkan beroperasi, selain diminta merobohkan sendiri gerai mereka.

Seorang peniaga burger dan cendol, Mohammad Azri Alias, 35, berkata, dia kehilangan punca pendapatan utama selepas

gerainya diroboh pagi semalam.

"Saya tidak mempunyai pendapatan lain. Arahan penutupan juga bermakna saya kehilangan kira-kira RM500 seminggu," katanya yang sudah berniaga di kawasan tersebut sejak 1998.

Difahamkan, MBSJ merobohkan gerai atas alasan mengganggu laluan trafik di sepanjang jalan.

Seorang peniaga kuih, N. Letchumy, 62, pula mengakui tidak boleh tidur malam selepas memikirkan ketiadaan punca pendapatan sekiranya gerai dirobohkan.

"Memang sakit hati bila tengok jentolak merobohkan gerai kami.

"Kami sebenarnya bukan tidak mahu berpindah, tetapi tempat baharu tiada kemudahan dan berilah sedikit masa," jelasnya yang mendakwa semua pemilik gerai merupakan orang tempatan.



DUA peniaga wanita tidak dapat menahan sedih melihat premis mereka dirobohkan MBSJ berhampiran Puchong Prima semalam.



KERATAN AKHBAR		
29 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Peniaga rayu tangguh roboh gerai
Muka Surat	:	21

Peniaga rayu tangguh roboh gerai

Harap MBSJ beri pertimbangan tidak robohkan gerai dalam masa terdekat

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

PUCHONG

Peniaga berhampiran Bulatan Puchong Permai berharap Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dapat memberi pertimbangan untuk tidak merobohkan gerai mereka dalam masa terdekat.

Difahamkan, peniaga terlibat memohon penangguhan itu selepas MBSJ melaksanakan operasi perobohan melibatkan 43 gerai di kawasan itu pada Isnin.

Pengerusi Persatuan Usahawan Peniaga Puchong (Puspep), Ismail Awang berkata, tindakan MBSJ melakukan operasi itu adalah tidak wajar memandangkan

kan peniaga di kawasan itu tidak menerima sebarang notis rasmi daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"Sebelum ini, kami memang mempunyai lesen sementara namun sejak tahun lalu, MBSJ mula menolak permohonan kami untuk memperbaharui lesen tersebut.

"Alasan yang mereka berikan adalah operasi gerai kami telah menyebabkan kacau ganggu lalu lintas di sini sehingga mengundang kesesakan khususnya pada waktu puncak," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Dalam operasi itu, MBSJ merobohkan lima daripada 43 gerai terlibat sebelum dihalang oleh peniaga terlibat yang meminta budi bicara dan pertimbangan pihak terbabit untuk perbincangan.

Selepas perbincangan, MBSJ bersetuju memberi tempoh seminggu kepada peniaga



ISMAIL AWANG

terlibat untuk mengosongkan dan mengeluarkan barangan mereka dari gerai terbabit.

Mengulas lanjut, Ismail berkata, sebelum ini, dia juga telah memanjangkan perkara itu kepada kerajaan negeri dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin

Shari bagi meminta campur tangan pihak terlibat.

"Malah, isu ini turut dipanjangkan kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj memandangkan gerai kami tidak mengganggu lalu lintas seperti dakwaan MBSJ," katanya.

Dalam pada itu, seorang peniaga kerepek, Nor Azadila Alias, 38, berkata, kebanyakan peniaga menolak tapak baharu yang ditawarkan oleh MBSJ kepada mereka yang terletak bersebelahan Uptown Bazar Heritage Puchong Permai yang dilihat tidak begitu bersesuaian. "Kami dapat menerima dan



Antara gerai yang dirobohkan MBSJ dalam operasi pada Isnin.

bertolak ansur jika MBSJ menyediakan premis dengan setiap lot berkeluasan 10x15 kaki persegi.

"Kami berharap MBSJ dapat bertimbang rasa kerana sebahagian peniaga di sini adalah golongan asnaf, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas," katanya.

Selain itu, seorang peniaga makanan, Md Idris Saidin, 63, berkata, pihaknya amat kecewa

apabila gerainya bakal dirobohkan selepas hampir 10 tahun meniaga di situ.

Katanya, peniaga mengharapkan sokongan dan pertimbangan daripada PBT khususnya selepas negara dilanda pandemik Covid-19 sejak Mac lalu.

Sinar Harian sedang berusaha mendapatkan maklum balas MBSJ berhubung tindakan perobohan itu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **29 December 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Komuniti Club Prix lega musim 2020
Muka Surat	:	38

Komuniti Cub Prix lega musim 2020

KOMUNITI Kejuaraan Cub Prix Malaysia Petronas bersyukur perlumbaan bagi musim 2020 dapat dilengkapkan di sebalik cabaran daripada pandemik Covid-19.

Ron Hogg, pengarah promoter perlumbaan iaitu Safe Aim Mutu Sdn Bhd berkata, walaupun empat pusingan terpaksa ditamatkan dalam jangka masa enam hari di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) minggu lalu, komuniti perlumbaan dua roda negara tetap lega kejuaraan itu dapat dilengkapkan.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM) yang memberikan kebenaran meneruskan perlumbaan.

“Tidak lupa juga Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari serta Timbalan Menteri Belia dan Sukan,

Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal yang ‘turun padang’ untuk turut menyertai perlumbaan terakhir musim ini di SIC hujung minggu lalu.

“Peluang untuk menamatkan musim ini telah melonggarkan kekangan kewangan yang mungkin dihadapi oleh semua pasukan perlumbaan sekiranya empat perlumbaan terakhir tidak dapat dianjurkan.

“Tidak dinafikan, perlumbaan enam hari dengan empat pusingan berturut-turut menelan kos belanja yang begitu tinggi. Namun begitu, semua pihak termasuk penaja dan pasukan menghulurkan kerjasama yang begitu membebangsangkan,” katanya menerusi kenyataan.

Kejuaraan Cub Prix 2020 sebanyak lapan pusingan itu terpaksa ditangguh beberapa kali berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat sejak Mac untuk mengekang wabak Covid-19.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 December 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	LIBRARY MATTERS
Muka Surat	:	2

LIBRARY MATTERS

The Petaling Jaya Community Library and its branch libraries remain closed until Jan 3, 2021. Users can extend their book loans by visiting the website (www.mbpjlibrary.gov.my) or calling 03-77810411 during specific hours; 10am-1pm and 2pm-5pm (Monday-Thursday) and 10am-12.15pm and 2.45pm-5pm (Friday). Users can also use the book drop service to return their books.



KERATAN AKHBAR
29 December 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MPK initiatives focus on welfare of residents and township's cleanliness
Muka Surat	:	2

MPK initiatives focus on welfare of residents and township's cleanliness

By EDWARD RAJENDRA
 edward@thestar.com.my

YEAR 2020, has been a testing time for Malaysians, including Klangites.

April saw the appointment of Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin as Klang Municipal Council's (MPK) 12th president. He pledged to put the people first and encourage civic participation in the royal town.

One of the first issues Ahmad Fadzli tackled was the time-regulated closure of Lorong Perbandaran.

His predecessor had closed the road for 14 months and later time-regulated it, where motorists were allowed to use the road between 6.30am and 8.30am, and 4pm to 6pm only.

Fadzli decided to open the 350m dual slip road, making it easier for motorists to access Klang town, Meru and Kapar via Jambatan Kota.

It helped reduce traffic snarls outside Kuan Yin Chinese temple in Jalan Raya Barat, especially during rush hour.

In February, after 18 months of refurbishment, the popular sports venue Stadium Sultan Suleiman opened with a brand-new look. Klang District Schools Sports Council held its annual athletics meet on the newly-laid eight-lane



Taman Teluk Gedung Indah low-cost flats owners are hoping that their soil settlement issues will finally be resolved next year. – Filepic

400m synthetic track.

The Selangor government had given MPK RM4.56mil to upgrade the 45-year-old stadium.

The issue of abandoned dogs in the township was also highlighted as an estimated 15,000 canines roam the streets.

The strays had become a nuisance as they rummaged through

bags of rubbish left behind houses and restaurants.

Sadly, most caught by the local council were euthanised as they were sick and injured and the MPK pound had limited space.

After a public outcry, MPK advised owners to obtain a licence and neuter their pets. MPK personnel were also kept

busy conducting regular sanitising activities at public places including KTM Komuter stations, schools, wet markets, post offices, recreational parks and government offices due to Covid-19.


In mid-April, hard-hit small businesses saw a lifeline as MPK's Information Technology Department set up an e-commerce platform called Klang i-Plaza that helped a few hundred traders reach their customers online.

Meanwhile, homeless people were given temporary shelter as well as free Covid-19 tests during the movement control order with MPK's Corporate Communications Department rallying support from the Malaysian Red Crescent Society and Port Klang health clinic.

MPK spent RM426,876 to help the homeless during this period with food, shelter, face masks and hand sanitiser.

In August, the council addressed complaints of faulty street lights in the commercial areas of Klang's Little India, Bandar Botanic, Bandar Bukit Tinggi, Bandar Bukit Raja, Bandar Putera, Taman Sentosa and Taman Gembira.

MPK's Environmental Services Department also launched Klang Proud (Prevent and Report on Unlawful Dumping) – a campaign to curb illegal dumping through free collection of bulk



MPK rectified faulty street lights in several areas, including near Masjid India Muslim Tengku Kelana in Klang's Little India. – Filepic

waste twice a week.

A longstanding issue, the Taman Teluk Gedung Indah low-cost flats in Port Klang's soil settlement was highlighted by StarMetro.

An estimated allocation of RM5mil had been sought from the state government for remedial works that are expected to begin early next year, supervised by

Klang district's Public Works Department.

On the cultural side, Chinese Muslims in Klang were overjoyed after MPK approved building plans for Masjid Jamek Cina Muslim Klang to be built at Bandar Botanic, with the design inspired by the Great Mosque of Xi'an in China.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 December 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	City council building activity centre for senior citizens in Shah Alam
Muka Surat	:	3



Rodziah (fourth from right) and Haris (fourth from left) at the groundbreaking ceremony for the PAWE centre within the Kelab Warga Emas premises in Section 24, Shah Alam.

City council building activity centre for senior citizens in Shah Alam

SHAH Alam City Council (MBSA) held a groundbreaking ceremony for a Senior Citizens Activity Centre (PAWE) within the Kelab Warga Emas premises in Section 24, Shah Alam.

The city council wants the centre to serve as a space for social, religious, rest and recreation purposes — under close supervision — to ensure a healthy quality of life for senior citizens.

“Construction of the centre is part of the city council’s efforts in making Shah Alam a senior citizen-friendly city.

“The council also hopes to pro-

vide better and more comprehensive facilities and services for senior citizens in Shah Alam,” said MBSA in a statement.

According to MBSA, the PAWE project will see six houses purpose-built for activities across three separate blocks, occupying a 0.89ha space within the Kelab Warga Emas’ premises.

The PAWE centre is part of an ongoing effort by MBSA to provide various community-based services for Shah Alam folk.

These include MBSA’s permanent libraries (Perpustakaan Anggerik Vanilla MBSA in Section 31,

Perpustakaan Anggerik Aranda MBSA in Section 19 and Perpustakaan Anggerik Mokara MBSA in Section U5, Shah Alam), mobile library, van for the disabled and community bus.

Selangor housing, urban wellbeing and entrepreneur development committee chairman Rodziah Ismail performed the groundbreaking ceremony.

Also present were Shah Alam mayor Datuk Haris Kasim and Orang Besar Daerah Petaling Datuk Emran Kadir, who is also Kelab Warga Emas Shah Alam chairman.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
29 December 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Puchong monsoon drain needs clean-up every time, says MBSJ
Muka Surat	:	4

Puchong monsoon drain needs clean-up every time, says MBSJ

MBSJ will repair the Persiaran Kinrara monsoon drain next year to prevent flash floods caused by silt and mud that are washed into it.



THE cost for upgrading the monsoon drain along Persiaran Kinrara in Puchong, Selangor will be added to next year's budget, says the Subang Jaya City Council (MBSJ).

Its Corporate and Strategic Management Department deputy director Azfarizal Abdul Rashid said the council's engineering department would include the inventory on the monsoon drain repairs in Budget 2021.

The city council has spent about RM100,000 to clean up the 1km drain.

"We clean up the drain once a year to remove rubbish, sand, silt and soil clogging it. The last clean-up was done in September,

over a two-week period.

"However, the sand and soil from the road shoulders continue to get washed into the monsoon drain, causing it to become shallow again.

"Wild plants are also growing from the walls," he said.

Azfarizal said a major flash flood occurred in the surrounding area in July after a downpour because the drain could not channel the water efficiently.

"As a long-term measure, we have decided to upgrade the monsoon drain on Persiaran Kinrara that runs through the back of the Suria Kinrara Apartments until the culvert at the Kesas Highway," he said.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
29 December 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Hospital bed capacity for Covid-19 patients in S'gor now at 59%
Muka Surat	:	6

Hospital bed capacity for Covid-19 patients in S'gor now at 59%

By JUSTIN ZACK
 justin@thestar.com.my

PETALING JAYA: Although beds are still available for Covid-19 patients at hospitals, there have been delays in transferring patients in the Klang Valley, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"The delays are due to the rise in positive cases. It might take a day or two or even longer because of the increased workload. This is mainly in the Klang Valley," said the Health director-general.

He urged patients to remain calm

and self-isolate at home for now.

"Try to isolate yourself from your family members and keep in contact with your district health departments. Stay at home until we come to send you to the hospital," he said.

The Health Ministry said Hospital Sungai Buloh has 513 Covid-19 patients with bed usage at 81%, while Hospital Kuala Lumpur's bed usage is at 52% with 339 patients.

The current capacity of beds for Covid-19 patients in Selangor is still at 59%.

The ministry is mulling several options to address the situation.

"We are considering the possibility of home quarantine, but there are certain criteria we have to look at, including the suitability of the home and the health assessment tools needed for our officers to monitor patients," Dr Noor Hisham said.

He said they were also looking at using workers dorms as quarantine areas, like what was done for the Teratai cluster.

This, he added, could reduce the congestion at the Low-Risk Covid-19 Quarantine and Treatment Centre at the Malaysia Agro Exposition

